AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Perlis catat kenaikan mendadak, 29 kes direkod kelmarin

Putrajaya: Perlis mencatat peningkatan kes mendadak kelmarin, apabila 29 kes dikesan walaupun tiada kes positif baharu COVID-19 dilaporkan setakat semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia adalah jumlah kes positif harian tertinggi dicatat negeri itu sejak penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Beliau berkata, peningkatan kes mendadak itu disebabkan pengesanan aktif Kluster Depoh Tahanan Imigresen (DTI) Persiaran Wawasan, Kangar.

"Kluster ini diumumkan pada 7 Mac lalu hasil saringan tahanan pendatang asing tanpa izin (PATI) di DTI terbabit.

"Seramai 263 individu membabitkan 102 orang tahanan PATI dan 161 anggota Jabatan Imigresen disaring dengan 89 orang dikesan positif (33.8 peratus), 173 orang adalah negatif (65.8 peratus) dan seorang adalah tidak konklusif (0.4 peratus) serta akan disaring semula.

"Daripada 89 kes positif dalam kluster ini, 85 kes warga asing dan empat kes adalah rakyat tempatan," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, semua kes itu dimasukkan ke Hospital Tuanku Fauziah dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Institut Latihan Kementerian Kesihatan (ILKKM) untuk rawatan lanjut.

Beliau berkata, keadaan sel yang sempit dengan jumlah tahanan ramai menyebabkan penularan COVID-19 dalam kalangan tahanan berlaku secara mendadak.

"Langkah pencegahan dan kawalan sudah diambil oleh Jabatan Kesihatan Perlis termasuk membuat siasatan terhadap setiap kes yang dikesan dan seterusnya mengesan kontak rapat kes terbabit," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN) ditutup 10 hari mengikut peruntukan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) bagi tujuan siasatan kluster dan aktiviti basmi kuman.

Sementara itu, sebanyak 1,354 kes positif baharu COVID-19 semalam, menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan di negara ini ialah 323,763 kes, dengan 16,279 kes aktif.

Dr Noor Hisham berkata, 1,340 kes membabitkan jangkitan tempatan iaitu 1,042 atau 77.8 peratus warga negara dan 298 atau 22.2 peratus warga asing.

Beliau berkata, 14 kes import dilaporkan semalam membabitkan 13 rakyat tempatan dan seorang rakyat asing.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Malaysia yakin kelulusan vaksin AstraZeneca

NPRA teliti dokumen mengenai kesan sampingan di beberapa negara

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia akan menerima vaksin COVID-19 AstraZeneca seperti dijadualkan, sekali gus memastikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan berjalan seperti dirancang.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata kerajaan yakin dengan kelulusan bersyarat diberikan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bagi penggunaan vaksin itu untuk penduduk negara ini.

Bagaimanapun Dr Adham berkata, NPRA akan meneliti dokumen tambahan berhubung kesan sampingan penggunaan vaksin itu di beberapa negara sejak kebelakangan ini, sehingga ada negara yang menggantung penggunaannya.

"Kita yakin dengan keputusan NPRA untuk menggunakan AstraZeneca. Kita ambil juga kepentingan keberkesanan, keselamatan dan kualiti vaksin itu dalam meluluskan penggunaannya.

"Selain itu, kita juga berhati-hati dengan apa yang dilaporkan (berdasarkan kes di negara lain). Kita mengambil semua langkah berjaga-jaga dan mengambil kira sebab tertentu yang menyebabkan seseorang tidak boleh divaksin.

"Kita akan terus menasihati masyarakat mengenai perkara yang perlu mereka ketahui dan memberi jaminan vaksinasi ini adalah program yang baik," katanya kepada BH, semalam.

Dr Adham Baba

Beberapa negara termasuk Denmark, Norway dan Iceland menghentikan sementara penggunaan vaksin AstraZeneca sebagai langkah berjaga-jaga selepas menerima beberapa laporan berhubung kes pembekuan darah dalam kalangan penerima vaksin itu.

Jumaat lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan, tiada alasan untuk menghentikan penggunaan vaksin AstraZeneca kerana pemeriksaan data keselamatan menunjukkan tiada kaitan antara vaksin itu dengan pembekuan darah.

Vaksin AstraZeneca menerima kelulusan bersyarat daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada 2 Mac lalu dan penghantaran vaksin itu ke Malaysia dilaporkan akan dibuat pada bulan ini.

Mengulas lanjut, Dr Adham berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil maklum berhubung laporan Agensi Perubatan Eropah (EMA) mengenai 30 kes darah beku yang berlaku dalam kalangan lima juta orang yang menerima suntikan vaksin AstraZeneca di negara benua itu.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : COVID-19

Kekal bawah 2,000

Jangkitan baharu sebanyak 1,354 kes, empat kematian dicatat

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jumlah kes positif Covid-19 kekal mencatatkan penurunan di bawah 2,000 kes apabila 1,354 jangkitan baharu dilaporkan di seluruh negara, semalam.

Ia menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di negara ini kepada 322,409 kes dengan 16,279 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada keseluruhan kes baharu, 1,340 adalah penularan tempatan membabitkan 1,042 warganegara dan 298 bukan warganegara manakala baki 14 lagi adalah kes import.

"Selangor mencatatkan kes tertinggi sebanyak 557 diikuti Sarawak (178), Pulau Pinang (154), Johor (121) dan Perak (101).

"Empat kematian baharu akibat Covid-19 direkodkan membawa kepada jumlah kumulatif 1,210 kes hingga kini," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 158 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi dengan 71 orang memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Dalam pada itu, seramai 1,782 pesakit Covid-19 sembuh menjadikan jumlah kumulatifnya sebanyak 306,274 kes," katanya.

ORANG ramai mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan dengan memakai pelitup muka ketika berkunjung ke pusat beli-belah Sunway Pyramid berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan bagi mengekang penularan Covid -19.

KKM kesan tiga kluster baharu

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti tiga lagi kluster baharu semalam membabitkan dua tempat kerja dan satu dikesan dalam komuniti.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kluster Jalan Tun Mutalib Tiga adalah kluster tempat kerja membabitkan daerah Kota Tinggi di Johor di mana kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-309,258) dilaporkan positif Covid-19 pada 5 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala.

Menurutnya, kluster ini membabitkan pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Tun Mutalib 3, Kawasan Perindustrian, Bandar Tenggara, Kota Tinggi di mana sejumlah 469 individu sudah disaring dengan 10 kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini.

"Satu lagi kluster tempat kerja adalah Kluster Jalan Sutera membabitkan daerah Hulu Langat di Selangor di mana kes bagi kluster ini dilaporkan positif Covid-19 bermula pada 10 Mac lalu hasil saringan bersasar pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Sutera 1/5A, Bukit Angkat, Kajang.

"Sehingga semalam, 26 individu disaring, lapan kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kluster komuniti pula adalah Kluster Begalak membabitkan daerah Sibu dan Song di Sarawak di mana kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-317,522) dilaporkan positif Covid-19 pada 10 Mac lalu hasil saringan individu bergejala.

"Penularan kes dalam kluster ini berlaku di Sungai Begalak, Batang Rajang, Song serta lokaliti kediaman kes-kes yang terletak di sekitar daerah Song dan Sibu.

"Sehingga hari ini, 335 individu disaring, 49 kes positif Covid-19 dalam kluster ini," katanya.

> *Kluster komuniti pula adalah Kluster Begalak membabitkan daerah Sibu dan Song di Sarawak"*
>
> **Dr Noor Hisham**

'Tanggungan gaji KKM lebih tinggi'

Putrajaya: Semua pihak diminta memahami kekangan dihadapi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ketika mempertimbangkan perjawatan tambahan dan peruntukan kewangan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ia berikutan selain KKM, kerajaan perlu menimbangkan permohonan berkaitan sumber manusia dan peruntukan daripada kementerian lain berdasarkan kepada keupayaan semasa.

Beliau berkata, KKM kini mempunyai 252,911 petugas tetap dan lebih 40,000 petugas kontrak membabitkan pelbagai skim perkhidmatan.

Katanya, sebahagian daripada petugas kontrak ini dilantik bagi memenuhi syarat latihan siswazah dan khidmat wajib manakala sebahagian lagi bagi perkhidmatan dan pembendungan penularan wabak Covid-19.

Justeru, Dr Adham berkata, KKM memerlukan RM17 bilion atau 63 peratus daripada peruntukan perbelanjaan mengurus bagi pembayaran gaji, tidak termasuk elaun seperti bayaran lebih masa dan tugasan rasmi lain

"Secara perbandingan, jumlah tanggungan gaji KKM lebih tinggi berbanding negara lain daripada segi gaji dari perbelanjaan kesihatan kerajaan (*salary /wages of government health expenditure*).

"Sebagai contoh daripada 18 negara di Eropah, purata jumlah tanggungan gaji di negara terbabit sekitar 42.3 peratus daripada bajet kesihatan diluluskan manakala daripada 64 negara di dunia purata tanggungan gaji sekitar 42.2 peratus," katanya ketika merasmikan Forum Virtual MMA SCHOMOS 2021, semalam.

Dr Adham berkata, berikutan pelaksanaan dasar kawalan saiz dalam perkhidmatan awam di negara ini sejak 2015, perjawatan tetap tidak lagi dipertimbangkan kecuali secara tukar ganti (*trade off*) dengan kementerian lain.

> *KKM kini mempunyai 252,911 petugas tetap*
> Dr Adham

Selain itu, beliau berkata, KKM ada fasiliti di banyak lokasi di seluruh negara iaitu 146 hospital dan institusi serta lebih daripada 3,300 jenis klinik di peringkat komuniti, dengan sebahagiannya sudah berusia dan memerlukan penambahbaikan.

Berikutan itu, Dr Adham berkata, KKM berdepan pengurusan kompleks dan memerlukan perhatian untuk penyelenggaraan dan peruntukan kewangan.

"Kefahaman ini penting bagi memastikan sumber terhad dalam organisasi dioptimumkan bersama langkah penjimatan, pelaksanaan program secara lebih fokus manakala di peringkat petugas kesihatan pula kita bekerjasama dengan inklusif, berteraskan konsep seluruh kerajaan, seluruh masyarakat (*whole of government whole of society*)," katanya.

Pada masa sama, Dr Adham berkata, KKM melaksanakan langkah penyelesaian membabitkan doktor termasuk mendapatkan kelulusan kerajaan bagi pelarasan Gred Jawatan Gred UD43 kepada Pegawai Perubatan Kontrak dan perluasan faedah sama kepada Pegawai Pergigian Kontrak.

Beliau berkata, pelarasan mula ditawar 25 Februari lalu dan diteruskan berdasarkan jadual pelaksanaan yang boleh dirujuk dalam sistem *e-placement*.

Katanya, Kementerian Kewangan juga bersetuju melanjutkan tempoh kontrak kepada pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi yang akan tamat kontrak pertengahan tahun ini, yang akan dilaksanakan oleh KKM nanti.

"Isu perjawatan tetap, KKM dari semasa ke semasa mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk pertimbangan tambahan jawatan, mengambil kira keperluan perkhidmatan di fasiliti baharu, naik taraf dan fasiliti sedia ada.

"Selain itu KKM bercadang memohon pelantikan secara kontrak untuk tempoh yang lebih la.

"Perkara ini di peringkat akhir penelitian sebelum KKM membawa cadangan ini untuk dipertimbangkan kerajaan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : COVID-19

VAKSINASI RAKYAT KITA BEKERJA DI SINGAPURA

100,000 bakal disuntik fasa dua

Oleh Nurul Amanina Suhaini
am@hmetro.com.my

Pontian

Seramai 100,000 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dijangka menerima vaksin pada fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Saya anggarkan 400,000 orang bekerja di Singapura berulang-alik setiap hari dan mereka layak menerima vaksin itu"
Hasni

Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad berkata, kini satu sistem dibangunkan bagi membolehkan mereka mendaftar dan mengikuti program berkenaan.

"Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) mengadakan satu program khas untuk memberi vaksin awal kepada mereka yang perlu bekerja ulang-alik ke Singapura.

"Saya anggarkan 400,000 orang bekerja di Singapura berulang-alik setiap hari dan mereka layak menerima vaksin itu.

"Di peringkat awal ini, kementerian (Mosti) akan ketepikan vaksin untuk 100,000 dahulu," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Program Mentor Mentee Pertubuhan Peladang Daerah Pontian di Parit Dahlan Benut di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Samsolbari Jamali.

Pada program itu, 24 peserta terdiri dari empat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang terbabit secara langsung dalam projek tanaman pertanian.

Hasni berkata, inisiatif itu digalakkan apatah lagi Johor ada potensi menjadi pengeluar makanan khususnya buah-buahan terbesar dalam negara.

"Sekiranya mengeluarkan hasil pertanian berkualiti dan diperlukan pasaran maka pusat pengumpulan peladang akan membantu memberi hasil bernilai," katanya.

Tetamu Zoo Negara

PENGUNJUNG membawa anggota keluarga mereka pada hujung minggu ke Zoo Negara dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) seperti memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan fizikal di Zoo Negara, semalam. Zoo Negara kini dibuka semula kepada pengunjung dengan SOP ketat dengan hanya 2,500 pengunjung dibenarkan pada satu masa bermula dari jam 9 pagi hingga 5 petang.

292,104 sudah terima dos pertama vaksin

Kuala Lumpur: Seramai 292,104 individu sudah menerima suntikan dos pertama vaksin di seluruh negara setakat kelmarin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang bermula sejak 23 Februari lalu.

35,620
Jumlah penerima dos vaksin pertama di Selangor

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, Selangor menjadi negeri yang tertinggi menerima dos vaksin fasa pertama membabitkan 35,620 individu diikuti Perak (31,675) dan Sarawak (30,634).

"Selain itu, Kuala Lumpur merekodkan 28,244 individu diikuti Pahang (25,128), Sabah (24,042), Johor (21,835) dan Kedah (17,114).

"Bagi negeri lain seperti Pulau Pinang merekodkan jumlah penerima vaksin seramai 16,255 orang, Kelantan (15,339), Terengganu (13,070), Negeri Sembilan (12,209), Melaka (7,963), Perlis (6,807) dan Labuan (2,342)," katanya yang berkongsi statistik terkini itu dalam infografik di Twitter rasminya, semalam.

Beliau yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin Abu Bakar bertanggungjawab dalam menjayakan program vaksinasi berskala besar bagi mengekang penularan pandemik Covid-19.

'Tidak sabar terima suntikan kedua'

Kuala Terengganu: "Saya berasa bertuah kerana menjadi antara kumpulan penerima pertama vaksin Covid-19 di negeri ini."

Begitu kata anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) Terengganu Zakaria Omar, 46, yang menerima suntikan vaksin Pfizer-BioNTech di Klinik Kesihatan Manir di sini, semalam.

Zakaria sebelum ini pernah dilaporkan Harian Metro menjadi penderma darah tertinggi direkodkan Unit Tabung Darah (UTD) Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) selepas menderma lebih 200 kali sejak 1995.

ZAKARIA menerima suntikan vaksin di Klinik Kesihatan Manir, semalam.

Katanya, dia berasa lebih selamat ketika menjalankan tugas sebagai petugas barisan hadapan selepas menerima suntikan vaksin itu.

"Sebagai anggota Rela, saya ditugaskan memantau pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan di pasar dan tempat tumpuan awam.

"Justeru, kami antara petugas barisan hadapan paling berisiko terdedah dengan Covid-19, dan kini berasa lega apabila menerima suntikan vaksin itu dahulu," katanya.

Katanya, dia akan menerima suntikan dos kedua di Klinik Kesihatan Kubang Jela, Manir pada 30 Mac ini.

"Saya tidak sabar untuk menerima suntikan kedua itu supaya sistem daya tahan diri semakin baik.

"Walaupun sudah menerima suntikan vaksin itu, pematuhan SOP seperti pemakaian pelitup muka dan penjarakan sosial tetap dititikberatkan ketika bertugas dan menjalani aktiviti seharian," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Tiga negeri catat kluster baharu

PUTRAJAYA – Tiga kluster baharu dilaporkan di Johor, Selangor dan Sarawak sekaligus menyumbang kepada 1,354 kes harian negara semalam.

Selangor melaporkan kes tertinggi sebanyak 577 kes diikuti Sarawak (178 kes) dan Pulau Pinang (154 kes).

Terdapat empat kematian di Kuala Lumpur, Selangor dan Sarawak membabitkan kesemuanya lelaki berusia antara 27 hingga 87 tahun dengan pelbagai latar belakang penyakit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, tiga kluster baharu membabitkan dua kluster tempat kerja dan satu kluster komuniti dilaporkan semalam.

ANGGOTA polis bantuan melakukan kawalan di pintu masuk sebuah pusat beli belah di Petaling Jaya semalam. – FARIZ RUSADIO

Menurutnya, Kluster Jalan Tun Mutalib Tiga di Kota Tinggi, Johor dengan 10 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan pekerja sebuah kilang.

"Kluster Jalan Sutera di Hulu Langat, Selangor dengan lapan kes hasil saringan bersasar pekerja sebuah kilang di Jalan Sutera 1/5A, Bukit Angkat, Kajang.

"Seterusnya, Kluster Begalak di Sibu dan Song, Sarawak dengan 49 kes membabitkan kes indeks bergejala," katanya dalam satu kenyataan akhbar semalam.

Berhubung situasi Covid-19 di Perlis, Noor Hisham berkata, tiada kes positif dilaporkan semalam, namun negeri tersebut melaporkan 29 kes baharu kelmarin dan ia adalah jumlah tertinggi dicatatkan sepanjang pandemik itu berlaku.

Ujarnya, peningkatan kes yang mendadak ini disebabkan pengesanan aktif daripada Kluster Depot Tahanan Imigresen (DTI) Persiaran Wawasan.

Jelasnya, kluster ini diumum pada 7 Mac hasil saringan tahanan pendatang asing tanpa izin (PATI) di DTI tersebut. Seramai 263 individu melibatkan 102 tahanan PATI dan 161 anggota Jabatan Imigresen disaring.

"Seramai 89 orang dikesan positif selain 173 orang adalah negatif dan seorang individu adalah tidak konklusif dan akan disaring semula.

"Daripada jumlah keseluruhan, 85 kes merupakan warga asing dan empat kes adalah warga tempatan," ujarnya selain menambah punca jangkitan mungkin berpunca daripada PATI yang ditahan di DTI atau komuniti serta keadaan sel yang sempit.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

1,354 kes baharu, 4 kematian

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

Malaysia merekodkan sebanyak 1,354 kes baharu Covid-19 dengan empat lagi kematian baharu pada Ahad.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia bertambah kepada 323,763 kes dengan jumlah kumulatif kematian pula ialah 1,210 kes.

Katanya, kesemua kes kematian pada Ahad adalah melibatkan warga tempatan dengan dua daripadanya adalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sarawak serta Selangor pula masing-masing merekodkan satu kes.

"Sementara itu jumlah kes sembuh baharu pada hari ini (Ahad) ialah sebanyak 1,782 kes dan menjadikan jumlah kes sembuh keseluruhan kepada 306,274 dengan peratusan sembuh 94.6 peratus.

"Sebanyak 158 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 71 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Dr Noor Hisham berkata, pecahan kes baharu pada Ahad terbahagi kepada 1,340 kes tempatan dan 14 kes import dengan jumlah kes yang masih aktif sebanyak 16,279 kes.

DR NOOR HISHAM

Menurutnya, terdapat tiga lagi kluster baharu dikesan pada Ahad dengan dua daripadanya adalah kluster tempat kerja dan satu kluster komuniti.

"Dua kluster baharu tempat kerja ialah kluster Jalan Mutalib Tiga (Johor) dan kluster Jalan Sutera (Selangor) manakala satu kluster komuniti berlaku di Sarawak iaitu kluster Begalak.

"Sementara itu terdapat lima kluster yang tamat pada hari ini (Ahad) iaitu Kluster Batu 57, Kluster Jalan Kuala Selangor, Kluster Tanjung Megah, Kluster Tembok Renggam, dan Kluster Jalan Jelatek.

"Sebanyak 64 kes iaitu 4.7 peratus yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di penjara membabitkan Kluster Tembok Tapah 57 kes, Kluster Tembok Sungai Udang (2 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (2 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (2 kes), dan Kluster Tembok Taiping (1 kes)," katanya.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, Selangor kekal menjadi negeri yang merekodkan pertambahan harian tertinggi iaitu sebanyak 577 kes diikuti Sarawak (178 kes) dan Pulau Pinang (154 kes).

Katanya, jumlah kes baharu di negeri lain pula ialah Johor dengan 121 kes, Perak (101), Sabah (39), Terengganu, Kuala Lumpur (55), Negeri Sembilan (21), Kedah (33), Melaka (4), Kelantan (26), Pahang (5), Putrajaya (2) dan Labuan (1).



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

100,000 pekerja terima vaksin fasa kedua

Pemberian kepada pekerja Malaysia yang berulang-alik ke Singapura

Oleh NOR AZURA MD AMIN

Hasni (tengah) menyerahkan sijil peserta program Mentor Mentee Pertubuhan Peladang di Parit Dahlan, Benut pada Ahad.

PONTIAN

Kira-kira 100,000 pekerja Malaysia yang berulang-alik ke Singapura dijangka menjadi penerima vaksin fasa kedua di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad berkata, pemberian vaksin kepada golongan pekerja yang berulang-alik ke Singapura itu merupakan program khas yang diputuskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) baru-baru ini.

Menurutnya, satu sistem sedang dibangunkan MOSTI bagi membolehkan individu yang layak mendaftar bagi mengikuti program berkenaan.

"Kerajaan negeri berterima kasih kepada MOSTI kerana menyediakan satu program khas kepada mereka yang bekerja berulang-alik ke Singapura. Secara keseluruhannya dianggarkan seramai 400,000 pekerja Malaysia berulang-alik ke Singapura setiap hari.

"Dianggarkan seramai 100,000 individu akan menerima suntikan vaksin di bawah program ini seiring dengan golongan rentan seperti warga emas dan mereka yang berpenyakit kronik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Program Mentor Mentee Pertubuhan Peladang di Daerah Pontian yang diadakan di Parit Dahlan, Benut di sini pada Ahad.

Mengulas lanjut, Hasni berharap pemberian vaksin kepada pekerja terbabit akan mempercepatkan pembukaan semula sempadan darat kedua-dua negara sekali gus melonjakkan semula sektor ekonomi di negeri itu.

Beliau turut menasihatkan masyarakat mendaftar sebagai penerima vaksin supaya dapat mengekang penularan Covid-19 di negara ini.

"Saya sendiri telah menerima suntikan berkenaan dan sehingga kini semuanya baik sahaja," katanya.

JKNT nafi kes positif Covid-19 di tujuh sekolah di Dungun

KUALA TERENGGANU - Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) menafikan berita tular yang mendakwa berlaku penularan baharu Covid-19 melibatkan tujuh sekolah di daerah Dungun.

Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Dr Nor Azimi Yunus berkata, sehingga Ahad, belum ada kes positif Covid-19 yang melibatkan mana-mana sekolah di negeri itu.

"Pihak jabatan menafikan sepenuhnya berita yang tular itu," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Ahad.

Dr Nor Azimi berkata, pihaknya meminta kerjasama orang awam agar tidak menyebarkan berita yang tidak sahih.

"Berita tidak sahih sebegini menyebabkan situasi panik dalam kalangan masyarakat.

"Sehubungan itu, JKNT meminta orang ramai supaya sentiasa berhati-hati dan tidak menularkan sebarang berita tidak sahih," katanya.

Pada Sabtu tular di media sosial terutama di aplikasi WhatsApp memaklumkan terdapat penularan baharu Covid-19 yang kononnya melibatkan tujuh sekolah di Dungun.

Kejadian itu dikatakan berpunca daripada kakitangan Petronas Penapisan iaitu enam daripada 20 kakitangan di situ disahkan positif.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI



Lebih 290,000 individu sudah terima vaksin

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Seramai 292,104 individu dalam kalangan petugas barisan hadapan sudah menerima dos pertama vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan sehingga semalam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, Selangor merekodkan pemberian vaksin tertinggi dengan 35,620 individu diikuti Perak (31,675); Sarawak (30,634) dan Kuala Lumpur (28,244).

Katanya, jumlah di Pahang pula mencatatkan seramai 25,128 individu, Sabah (24,042), Johor (21,835), Kedah (17,114), Pulau Pinang (16,255), Kelantan (15,339), Terengganu (13,070) dan Negeri Sembilan (12,209).

"Sementara itu, di Melaka seramai 7,963 individu menerima vaksin, Perlis (6,807), Putrajaya (3,827) dan Labuan (2,342)," katanya menerusi Twitter beliau semalam.

> **"Selangor merekodkan pemberian vaksin tertinggi dengan 35,620 individu diikuti Perak (31,675); Sarawak (30,634) dan Kuala Lumpur (28,244)."**
>
> **DR. ADHAM BABA**

Dalam fasa pertama program imunisasi yang bermula 24 Februari lalu, sejumlah 500,000 petugas barisan hadapan yang terdiri daripada petugas kesihatan dan petugas bukan kesihatan.

Fasa kedua pula akan melibatkan kumpulan berisiko tinggi dijangkiti Covid-19 iaitu warga emas dan golongan rentan berusia 60 tahun ke atas, yang mengalami masalah morbiditi seperti penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi selain golongan orang kelainan upaya (OKU) melibatkan 9.4 juta orang.

Bagi fasa ketiga pula, baki penerima vaksin merupakan golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas, yang akan bermula dari Mei 2021 hingga Februari 2022.

Sehingga semalam, jumlah pemberian dos pertama vaksin adalah seramai 249,909 individu.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS

Healthcare workers performing swab tests at the Serja MBSA Hall in Shah Alam yesterday. PIC BY KHAIRUL AZHAR AHMAD

1,354 new infections, 4 deaths, says D-G

KUALA LUMPUR: The daily Covid-19 numbers remain at four digits, with 1,354 new infections up to noon yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 1,340 were local infections while 14 were imported.

Nearly 78 per cent of the local infections involved Malaysians.

Selangor recorded the highest number of new cases at 577, followed by Sarawak (178), Penang (154) and Johor (121).

This brings the total number of cases to 323,763, with 16,279 active cases.

"Sixty-four cases were linked to clusters in prisons, Tembok Tapah, Tembok Sungai Udang, Tembok Pengkalan Chepa, Jalan Harapan Prison, and Tembok Taiping."

The number of daily recoveries was 1,782, bringing the total number of patients who had recovered to 306,274, or 94.6 per cent.

Four deaths were recorded, increasing the death toll to 1,210.

Two deaths were reported in Kuala Lumpur and one each in Selangor and Sarawak.

All deaths involved Malaysian men with comorbidities.

The Health Ministry detected three new clusters yesterday.

Dr Noor Hisham said two of the new clusters — Jalan Tun Mutalib Tiga in Johor and Jalan Sutera in Selangor — were workplace clusters.

For the Jalan Tun Mutalib Tiga cluster in Kota Tinggi, the index case (309,258) tested positive for Covid-19 on March 5.

The cluster involved workers from a factory there and up to yesterday, 469 people had been screened, with 10 confirmed cases.

For the Jalan Sutera cluster in Hulu Langat, a targeted screening of a factory since March 10 found eight cases from 26 people tested.

The ministry detected a community cluster in the Begalak cluster in the Sibu and Song districts in Sarawak.

"The first case was detected on March 10 involving index case 317,522, and the outbreak was detected in the Sungai Begalak, Batang Rajang, Song and residential localities in Sibu and Song districts.

"A total of 335 people have been tested, with 49 confirmed cases."

He said five clusters ended yesterday.

They were the Batu 57, Jalan Kuala Selangor, Tanjung Megah, Tembok Renggam and Jalan Jelatek clusters.

A total of 424 clusters remain active with 64 reporting new cases yesterday.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS/NATION

NPRA CONDITIONAL APPROVAL

'MALAYSIA WILL USE ASTRAZENECA'

30 blood clot cases reported among 5 million people in Europe who received the vaccine

ZANARIAH ABD MUTALIB
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my



The National Pharmaceutical Regulatory Agency will study additional documents on the AstraZeneca Covid-19 vaccine's side effects. EPA PIC

MALAYSIA will take delivery of the AstraZeneca Covid-19 vaccine as planned, thus ensuring that the National Covid-19 Immunisation Programme proceeds as scheduled.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said the government was confident in the conditional approval issued by the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) for the vaccine to be used in Malaysia.

However, he said, the NPRA would study additional documents on the vaccine's side effects, which had been widely reported in several countries and led to its suspension.

"We are confident in NPRA's decision to approve the AstraZeneca vaccine. We have taken into account its effectiveness, safety and quality in securing its approval.

"We are exercising caution on what was reported (in cases elsewhere).

"We are taking all necessary precautions and take into account the factors that make an individual unable to be inoculated.

"We will continue to advise the people on the latest developments and give our assurance that the vaccination programme is a commendable one," he told *Berita Harian*.

Some countries, including Denmark, Norway and Iceland, have temporarily suspended the use of the AstraZeneca vaccine as a precautionary measure after a number of vaccine recipients experienced blood clots.

The World Health Organisation said there was no reason to halt the use of the AstraZeneca vaccine as data showed no evidence of a link between the vaccine and blood clots.

The vaccine received conditional approval from the NPRA on March 2.

Malaysia will receive the vaccine this month.

Dr Adham said the Health Ministry had taken note of a report by the European Medicines Agency (EMA) on 30 blood clot cases that occurred among five million people who had received the vaccine in Europe.

However, EMA said there had been no indication that the vaccine contributed to the cases, and that it was not listed as one of the side effects.

"We are unable to draw any conclusion at this juncture and will need to analyse the facts behind these cases first," said Dr Adham.